



KERATAN AKHBAR

جاتن کھاکیم شریعہ ملaysia
KSM
SYARIAH ASAS KEADILAN

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR

- BERITA HARIAN
- UTUSAN MALAYSIA
- HARIAN METRO
- NEW STRAITS TIMES
- THE STAR

12/10/2023

my HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 3

lokal

BIMBING TIGA BUDAK MUALAF

Mahkamah tolak permohonan MAIPs

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, menolak permohonan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi menjalankan tanggungjawab membimbing serta mendidik tiga kanak-kanak mualaf yang berada di bawah jagaan ibu mereka, Loh Siew Hong untuk mempelajari Islam.

Hakim Hayatul Akmal Abdul Aziz membuat keputusan berkenaan selepas mendapati permohonan itu tiada merit dan tidak dibuat atas kepentingan kanak-kanak berkenaan.

"MAIPs gagal dalam permohonannya, tiada justifikasi wajar dan mengikut undang-undang.

"Berdasarkan pengalaman traumatis kanak-kanak itu, isu mengenai akses (MAIPs) tidak mengutamakan kepentingan kanak-kanak terabit.

"Semua pihak perlu terima situasi ini, henti nafikan dan campur tangan terhadap kehidupan kanak-kanak berkenaan," katanya.

Sementara itu, Siew Hong ketika ditemui pemerita berkata, dia tidak mahu ingat kes mahkamah dihadapinya, sebaliknya berhasrat memfokuskan pendidikan anak.

"Anak dengan saya dan kami nak hidup tenang itu yang saya minta," katanya.

MAIPs memohon perintah variasi bagi menjalankan tanggungjawab terhadap kanak-kanak terabit antaranya membawa mereka menuaikan solat Jumaat dan meraikan hari kebesaran Islam di masjid

berhampiran rumah, memberi bantuan zakat serta membantu menampung kos sara hidup ketiga-tiganya daripada aspek pendidikan, keperluan dan kebajikan.

Pada 27 September lalu, peguam bela MAIPs, Mohamed Haniffi Khatri Abdulla berkata, anak guam mempunyai tanggungjawab statutori di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terabit dipelihara termasuk bantuan dibenarkan syarak yang boleh disalur melalui mana-mana penjaga sah mereka.

Beliau dilaporkan berkata, Loh dan bekas suaminya, Muhammad Nagahswaran Muniandy juga tidak mampu memberikan anak mereka asas pendidikan agama Islam dengan baik.

Peguam bela Siew Hong, J Gunamalar pula dilaporkan berhujah permohonan MAIPs adalah penyalaiguanaan proses mahkamah susulan tidak memohon untuk mengubah perintah hak penjagaan kanak-kanak terabit.

Pada 7 Februari lalu, Mahkamah Rayuan membenarkan MAIPs menjadi responden kedua dalam petisyen perceraian Siew Hong dan Muhammad Nagahswaran membabitkan hak penjagaan tiga anak mereka yang diperoleh wanita itu.

Siew Hong diberikan hak penjagaan dan kawalan tunggal ke atas sepasang kembar perempuan berusia 15 tahun dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun.

TARIKH



SIEW Hong (kiri) bersama Guanamalar.